

Nasi lemak, kejutan hiasan kehidupan Dr Mahathir

BH 16 JUL 2002

Sempena 21 tahun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri

Oleh Kadir Dikoh

SEORANG gadis menjerit sekuat hati sambil terlompat-lompat kerana terlalu gembira setelah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menandatangani gambarnya (Perdana Menteri) yang dihulur ketika melalui plaza tol Kajang, tidak berapa lama dulu.

Perdana Menteri yang memandu sendiri keretanya pada satu hujung minggu itu, bertanya balik mengapa menjerit pula. Gadis itu menjawab, dia berasa amat gembira.

"Gadis itu terkejut apabila Dr Mahathir mahu membayar tol dan dengan cepat mengambil sekeping poster Perdana Menteri yang kebetulan ada di situ, terus meminta tandatangan," kata satu sumber yang rapat dengan Perdana Menteri.

Kemudian, dalam satu lagi peristiwa di plaza tol - kali ini ke arah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang - seorang gadis tidak mahu menerima duit tol yang dihulur oleh Dr Mahathir.

Perdana Menteri bertanya mengapa tidak dibenar bayar tol. Gadis itu yang turut terkejut bercampur gembira, memberitahu yang dia sendiri akan bayar. Jumlahnya RM5.10.

"Saya nak belanja Datuk Seri," kata gadis itu kepada Perdana Menteri yang sedang bersiar-siar pada hujung minggu ke KLIA dari Kuala Lumpur.

Apabila Perdana Menteri kembali daripada lawatan ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg di pangkalan TUDM pada jam 7.30 pagi 14 Jun lalu, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, pula didengar berbisik kepada Dr Mahathir bahawa nasi lemak ada disediakan.

Perdana Menteri kelihatan tersenyum dan terus beredar ke ruang tamu untuk menjamu selera selepas sidang akhbar berakhir.

Namun, ketika itu tiada siapa yang tahu, rupa-rupanya Dr Mahathir akan mengumumkan peletakan jawatannya seminggu kemudian, iaitu pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-56, 22 Jun lalu.

Menurut sumber, ketika percutiannya di kepulauan Mediterranean sebelum ke Vatican City itu, Dr Mahathir ada menyatakan mahu "bercuti secara total" selepas Perhimpunan Agung Umno itu.

Itulah bayangan yang paling hampir diluahkannya setakat yang diketahui dan rupa-rupanya ungkapan itu benar-benar akan berlaku, tetapi selepas Oktober tahun depan setelah didesak oleh pemimpin Umno lain supaya jangan berundur serta-merta.

Pada sidang akhbar sekembalinya dari lawatan ke tiga negara itu, penulis sendiri ada bertanya kepada Perdana Menteri sama ada beliau akan membuat kejutan pada ucapannya di Perhim-

Dr Mahathir memang dikenali suka bersiar-siar pada hujung minggu atau cuti umum.

Beliau pernah duduk minum sambil makan pau di Tanjung Malim pada satu hujung minggu selepas membuat lawatan tidak rasmi ke tapak satu projek di kawasan sekitar. Pau Tanjung Malim, memang dikenali kerana ke-enakannya.

"Orang ramai termasuk buruh kasar yang turut minum pagi di situ terkejut melihat Perdana Menteri tiba-tiba berada di hadapan mereka, tanpa protokol, tanpa permaidani merah, tanpa siren polis dengan ditemani beberapa pengawal peribadi saja.

"Yang ada cuma meja biasa berlas kain di gerai tepi jalan dan kesibukan lori pasir," kata mereka yang ternampak kejadian itu.

Selain pau, nasi lemak juga menjadi kegemarannya. Apabila balik daripada lawatan atau bercuti di luar negara, nasi lemak dicarinya, terutama apabila sampai di Kuala Lumpur pada waktu pagi.

"Datuk Seri, nasi lemak ada di bilik sebelah," kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selepas berakhirnya sidang akhbar Perdana Menteri sekembalinya daripada lawatan ke luar negara pada jam 8.30 pagi 24 Mac lalu.

Sememangnya, nasi lemak yang dihadangkan untuk VIP di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang itu sedap.

punan Agung Umno itu nanti.

Tidak seperti biasa, kelainan dirasai apabila Dr Mahathir melihat tepat ke arah mata penulis dan mungkin dalam hati kecilnya ketika itu berkata: "Hai, budak ni macam tahu saja saya nak umum letak jawatan".

Pada hal penulis sendiri langsung tidak terlintas kemungkinan pengumuman peletakan jawatan dibuat seminggu kemudian dan soalan itu hanya soalan biasa terhadap andaian Perdana Menteri membuat kejutan lain seperti pengumuman rombakan Kabinet atau dasar tertentu.

"Tak ada, macam biasa saja," jawab Dr Mahathir yang kelihatan merenung jauh sambil tangan kanannya dilihat mengetuk-ngetuk kerusi dan kemudian menoleh ke arah Abdullah yang duduk di sebelah kanannya.

Ini menyebabkan penulis rasa gelisah dan bersalah kerana takut beliau tidak suka dengan soalan itu berdasarkan gerak-gerinya. Kemudian apabila penulis bertanya mengenai kemungkinan pilihan raya umum diadakan tahun depan, Dr Mahathir sambil tersenyum menyoal balik: "Mana you tahu?"

Rupa-rupanya, beliau mungkin cuba mengelak kejutan sebenar itu, mengelak sama sekali sebarang bayangan peletakan jawatan, yang menjadi kenyataan seminggu kemudian.

Pada sidang akhbar hari pertama Perhimpunan Agung Umno, 20 Jun lalu, penulis tergerak hati

Satu lagi keistimewaan Dr Mahathir ialah pengurusan masa yang baik dan akan sampai ke pejabat sebelum jam 8 pagi tetapi balik lewat pada jam 6 petang atau 7 malam

untuk sekali lagi bertanya soalan yang sama, tetapi Presiden Umno itu tetap berahsia.

Itulah Dr Mahathir, seorang yang selalu membuat kejutan, keputusannya di luar jangkaan dan akan menidakkan segala ramalan.

"Jika media meramalkan orang itu dan orang ini akan dilantik ke jawatan tertentu, maka orang itu tidak akan bernasib baik, dan tidak akan dilantik," kata seorang wartawan veteran berdasarkan pengalamannya menulis mengenai berita berbentuk spekulasi.

Satu lagi keistimewaan Dr Mahathir ialah pengurusan masa yang baik dan akan sampai ke pejabat sebelum jam 8 pagi tetapi balik lewat pada jam 6 petang atau 7 malam.

"Kami tahu, di antara 7.45 dan

7.55 pagi, Perdana Menteri akan melintas di sini. Masanya itu konsisten," kata seorang pengawal di pintu masuk utama pekarangan pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Beliau adalah seorang yang amat berhati-hati dan tidak mahu sesuatu kerja dilakukan dengan tidak sempurna.

Menurut satu sumber lain, beliau pernah berhenti di tepi jalan melihat pekerja memotong pokok apabila mendapati ia dilakukan dengan tidak begitu elok dan kemudian dikatakan meminta supaya pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) datang membetulkannya.

Selain menunggang kuda yang baru dimulakannya ketika berusia 60 tahun, Dr Mahathir suka berjogging dari dulu lagi. Biasanya, kata sumber yang rapat de-

ngannya, beliau berjogging tiga hari sekali pada jam 6 petang jika jadual rasminya tidak ketat.

Perdana Menteri selalu dilihat berjogging di antara kediamannya, Seri Perdana, ke kawasan sekitar pejabat pada jarak kira-kira enam kilometer.

"Saya pernah terserempak beliau berjogging kira-kira jam 7 malam bersama beberapa orang yang saya tak kenal. Saya memperlambatkan kereta dan terkejut melihat Dr Mahathir, lalu saya melambai tangan dan dibalas dengan lambaian oleh Perdana Menteri," kata seorang kakitangan kerajaan yang mendiami kawasan sekitar Putrajaya.

Menurut sumber itu lagi, Dr Mahathir ketika mendiami Seri Perdana (tempat lama) di Kuala Lumpur, selalu berjogging dari kawasan pejabatnya di Jalan Dato Onn ke rumah atau sekitar Muzium Negara.

Pada hari minggu juga, Dr Mahathir suka membawa keluarganya pergi makan di restoran. Antara kegemarannya ialah makanan Jepun dan Korea. Beliau suka makanan Jepun sama ada di Hotel Pan Pacific atau Hotel Equatorial di Kuala Lumpur.